

Program Pendidikan Guru Teknik Dan Vokasional Yang Cemerlang

oleh

Warnoh Katiman
Norasmah Hj. Othman
lin@ukm.my
Fakulti Pendidikan
Universiti Kebangsaan Malaysia

ABSTRAK

Kertas kerja ini akan menganalisa secara teori mengenai aspek kecemerlangan yang diperlukan oleh guru teknik dan vokasional mengikut pandangan para sarjana perguruan dalam bidang teknik dan vokasional. Di samping itu, kertas ini juga akan mengupas isu mengenai sejauh mana guru teknik dan vokasional yang sedang berkhidmat di negara kita mempunyai kriteria dan ciri-ciri kecemerlangan sebagaimana yang dijelaskan oleh pakar bidang tersebut. Berdasarkan teoritikal tentang guru teknik dan vokasional yang sewajarnya dengan realiti guru kategori ini dalam perkhidmatan perguruan di Malaysia masa kini, maka banyak persoalan timbul. Antaranya ialah sejauh mana kemampuan, kebolehan dan kemahiran guru-guru ini dalam menyediakan pelajar lepasan sekolah yang mampu berfungsi sebagai sumber tenaga mahir atau separa-mahir dalam bidang teknik dan vokasional sepertimana yang diperlukan negara dalam usaha menjadi sebuah negara industri maju dan berteknologi canggih selaras dengan matlamat Wawasan 2020. Sehubungan itu, kertas kerja ini juga akan membincangkan bagaimanakah seharusnya program pendidikan bagi guru teknik dan vokasional perlu dirancang, diuruskan pelaksanaannya dengan cekap bagi menghasilkan guru-guru teknik dan vokasional yang cemerlang ke arah menyediakan sumber tenaga berdaya saing, berketrampilan dan berciri global bagi memenuhi pasaran industri abad 21. Pengalaman latihan guru teknik dan vokasional negara di Korea Selatan akan dijadikan sebagai rujukan dalam perbincangan.

Pengenalan

Era globalisasi di zaman pasca modenisasi ini banyak menerjah kita dengan berbagai cabaran yang perlu diatasi segera. Para pendidik di zaman millenium ini perlu meningkatkan kepekaan terhadap persiapan perancangan dan pengurusan serta tindakan yang lebih rapi untuk menghadapi situasi dan kemelut yang sedang dan bakal dihadapi. Al Edrus (2001) menyatakan bahawa globalisasi adalah fenomena yang sedang dan akan berlaku di seluruh dunia tanpa ada negara yang terkecuali menerima pengaruh dan cabarannya. Justeru, dalam era globalisasi ini, organisasi pendidikan hendaklah bergerak seiring dengan perubahan-perubahan yang diperlukan oleh masyarakat dinamik abad ke-21 bagi tujuan mencapai aspirasi negara untuk mendapat taraf negara maju bertonggakkan kepada Falsafah Pendidikan Negara dan Wawasan 2020.

Dalam usaha menangani cabaran globalisasi ini, Malaysia perlu menyediakan sumber manusia yang berkualiti agar mereka mampu berinteraksi dan bertindak secara *autonomous* dalam orde dunia yang baru. Keupayaan ini penting agar Malaysia tidak menjadi mangsa dan boneka dalam orde global yang amat bergantung kepada kebolehan sumber tenaga manusianya.

Peranan pendidikan dalam Pembangunan Sumber Manusia

Pendidikan berperanan sebagai pembentuk bangsa dan seterusnya kepada bangsa dengan mengeluarkan tenaga manusia mahir, melahirkan insan harmonis, warga negara yang cekap, berketrampilan, beretika, berilmu dan beriman, berkebolehan, berfikiran terbuka, kreatif dan inovatif, bijak mencari dan menggunakan maklumat yang diperolehi, serta memiliki ciri-ciri seorang keusahawanan. Dengan erti kata lain, diharapkan pendidikan mampu melahirkan seorang insan berketrampilan seperti yang dicitrakan dalam Falsafah Pendidikan Negara.

Bagi memperoleh sumber manusia berketrampilan, negara perlu melatih dan membekalkan pendidik secukupnya. Selain daripada mencukupi, pendidik ini juga hendaklah memiliki ciri-ciri yang diperlukan bagi membolehkan mereka melahirkan sumber manusia yang berpengetahuan, berketrampilan, bersahsiah, berakhlak mulia, bersikap positif, dedikasi dan berdisiplin. Malah, mereka juga berperanan penting dalam membentuk masa depan anak-anak di samping ibu bapa. Mereka menjadi salah satu pendorong utama dalam memotivasikan anak-anak bagi mencapai cita-cita mereka. Apatah lagi pada zaman globalisasi yang penuh cabaran di mana ilmu tersebar luas dan datang dari pelbagai punca, maka guru berperanan membimbing anak-anak memilih dan mengasingkan antara ilmu yang baik dan ilmu yang patut dijauhi. Malah di zaman globalisasi, anak-anak bukan sahaja perlu memiliki pengetahuan sahaja, tetapi mereka juga perlu mempunyai kemahiran baik dari segi teknikal dan juga dari segi *soft skill* iaitu pandai berbahasa, berkomunikasi, kreatif dan berpandangan jauh. agar mereka boleh bersaing dengan orang dari negara lain.

Program Pendidikan Guru (PPG)

Guru adalah tunjang kepada sistem pendidikan. Mereka merupakan golongan pelaksana segala dasar dan matlamat yang telah ditetapkan oleh pihak kerajaan melalui Kementerian Pendidikan Malaysia. Sehubungan itu, PPG adalah penting bagi membekalkan guru-guru dengan kemahiran profesional bagi membolehkan mereka mengajar dengan lebih berkesan. Seorang guru yang profesional menunjukkan ciri-ciri profesionalisme yang lazimnya di kaitkan dengan sesuatu profesion. Tetapi apakah ciri-ciri profesionalisme di bidang perguruan? Sudahkah terdapat satu senarai yang jelas tentang ciri-ciri tersebut? Jika sudah ada, sejauh manakah senarai tersebut telah digunakan dalam membimbing guru-guru agar cemerlang dalam profesionalisme mereka dan seterusnya memberi impak terhadap PPG dalam konteks perkembangan pendidikan di Malaysia.

Persoalan ini timbul lanjutan daripada kenyataan Robiah (1994) yang mengatakan masih tiada satu pun ciri-ciri guru professional yang jelas dicatatkan di Malaysia terutamanya senarai mengikut acuan tempatan. Apa yang ada sehingga kini hanyalah cadangan dan masih belum diwujudkan dalam bentuk rasmi. Seperti kenyataan Marimuthu, (1990) profesion perguruan di Malaysia masih tidak mempunyai tahap autonomi profesional yang tinggi dan juga tiada sebarang kawalan dilakukan ke atas kemasukan dan pengeluaran ahli baru. Walau pun terdapat kod etika tetapi masih tidak dikuatkuasakan yang mengakibatkan taraf profesion perguruan di Malaysia masih terbatas.

Justeru, PPG secara langsung atau tidak langsung mempunyai tugas yang besar dalam mempersiapkan dan membekalkan guru professional agar hasrat Malaysia untuk menjadi sebuah negara maju sepenuhnya pada tahun 2020 sebagaimana yang didasarkan dalam Wawasan 2020 dapat dicapai. Pelbagai perubahan perlu dilakukan di PPG merangkumi pengurusan, penyelidikan, penilaian dan lain-lain yang boleh digerakkan ke arah kecermelangan. Seperti yang dinyatakan oleh Wan Zahid (1993), masa depan dikandung oleh masa kini. Kenyataan ini bermaksud apa yang terjadi pada masa depan boleh diteloh pada masa kini dengan berpandukan kepada perkembangan semasa. Gambaran bagi kedua-dua zaman, masa kini dan masa depan dipenuhi dengan aneka cabaran yang besar dan hebat. Manusia perlu bertindak dengan melengkapkan diri baik dari aspek dalaman dan rohaniah bagi tujuan mengelakkan diri daripada dilanda roda perubahan yang sangat laju agar tidak mengalami kejutan masa, keretakan dan keruntuhan sosial yang boleh membawa kepada kemusnahan. Malah manusia perlu dilatih agar memiliki pandangan yang bercorak futuristik.

Seperti mana yang ditegaskan oleh Menteri Pendidikan Malaysia dalam Forum Pendidikan di Pulau Pinang baru-baru ini (16 Mei 2003), untuk memperoleh anak bangsa yang berkualiti (berilmu, berketrampilan, berdisiplin, berahklak, inisiatif, inovatif, kreatif, ingin cemerlang serta berkemahiran), ianya haruslah bermula daripada orang yang mendidik mereka iaitu guru. Jelaslah menunjukkan keupayaan memperoleh anak bangsa yang berkualiti mestilah diperolehi daripada guru yang cemerlang. Untuk memperoleh guru yang cemerlang pula mestilah bertitik tolak daripada program pendidikan/latihan yang diikuti/dibekalkan kepada guru. Dalam menghasilkan guru cemerlang, PPG haruslah peka terhadap keperluan semasa. Berikutan itu, sebagai agenda pengisian untuk merealisasikan cita-cita ini, pelbagai perubahan perlu dilakukan. Antaranya termasuklah kurikulum dan kemudahan infrastruktur PPG itu sendiri. Maka tidak hairanlah dalam belanjawan 2003, peruntukkan sebanyak RM30 bilion telah diagihkan untuk sektor pendidikan. Peruntukan besar diperlukan agar perubahan dapat dilakukan selaras dengan usaha kerajaan melahirkan sebuah masyarakat yang progresif serta celek terhadap perkembangan Sains dan Teknologi. Dengan memiliki masyarakat seumpama ini, maka Malaysia akan dapat merealisasikan Wawasan 2020.

Menurut Shahril @ Charil dan Habib (1999) melalui kebolehan, kemahiran dan usaha rakyat barulah sesebuah negara boleh maju. Oleh itu, dalam usaha kerajaan menuju ke arah Wawasan 2020, Kementerian Pendidikan mengambil beberapa tindakan yang bertujuan untuk meningkatkan tenaga mahir. Untuk usaha ini di era globalisasi, maka

kerajaan perlu lebih ramai guru-guru terlatih dalam bidang Sains Teknikal dan Vokasional. Penambahan bilangan guru Sains Teknikal dan Vokasional diperlukan lanjutan daripada penambahan bilangan pelajar yang berminat dengan pelajaran berkaitan serta dengan penawaran mata pelajaran Sains Teknikal di sekolah berasrama penuh dan sekolah harian yang dipilih. Peningkatan bilangan pelajar ini berlaku disebabkan perubahan tanggapan masyarakat, ibu bapa dan pelajar sendiri mengenai kepentingan pekerjaan yang mempunyai kemahiran vokasional dan teknikal serta kepentingannya terhadap permintaan pasaran kerja yang ada kaitannya terhadap keperluan untuk pembangunan ekonomi negara (Fong Chan Onn, 1994). Ini ditambah dengan prospek yang cerah dalam pasaran kerja menyebabkan pendidikan Teknik dan Vokasional menjadi pilihan pelajar selepas tahun 1990-an (Mohd Salleh, 2002).

Bagi memperoleh apa yang dikehendaki ini, negara perlu memiliki satu PPG yang berkualiti terutamanya bagi guru-guru Sains Teknikal dan Vokasional. Ini adalah kerana program ini mempunyai hubungan yang kuat terhadap usaha-usaha kerajaan melahirkan sumber manusia yang berkemahiran dalam bidang Sains dan Teknologi seperti mana yang diperlukan di pasaran dunia pada masa kini.

Program Pendidikan Guru Teknik dan Vokasional Yang Cemerlang

Satu aspek yang paling mencabar dan sering dipertikaikan ialah sejauh mana PPG benar-benar mampu melatih seorang guru cemerlang serta bertaraf profesional yang tulen. Seperti mana yang diketahui kecemerlangan adalah matlamat pendidikan negara diabad ke-21 dan ia mempunyai pelbagai pengertian. Menurut Robiah (1989), kecemerlangan ialah apabila seseorang itu berjaya meningkatkan batas kemampuannya ke tahap yang paling maksimum bagi dirinya mengikut ukuran yang diletakkan atau pun mengikut ukuran yang dibuat bagi kelompok atau golongan sebaya dengannya. Kecemerlangan kerap kali diukur dalam bentuk kebendaan atau perolehan yang diterima. Sebagai contoh McClelland (1964) dengan teori kecemerlangannya (need of achievement) beranggapan kecemerlangan berkait rapat dengan pencapaian seseorang sama ada dalam bentuk kebendaan atau pun dalam bentuk pangkat. Untuk memperoleh kecemerlangan ini, McClelland telah menyenaraikan ciri-ciri yang perlu dimiliki untuk mendapatkan kecemerlangan. Ciri-ciri ini adalah seperti berpandangan jauh, sanggup menanggung risiko, bertenaga, kreatif, inovatif, bertanggungjawab, menepati janji, tidak berputus asa dan beberapa lagi. Malah Ciri-ciri ini seringkali dikaitkan dengan ciri-ciri seorang usahawan berjaya.

Namun PPG yang cemerlang hanya dikenal pasti jika ia berupaya melahirkan pendidik/guru yang cemerlang. Ini adalah kerana guru bertindak sebagai pembina serta pembentuk negara bangsa mengikut acuan Wawasan 2020. Menurut Ornstein dan Levine (1993), PPG yang cemerlang mampu melahirkan guru cemerlang dan profesional di mana mereka hendaklah berpengetahuan dan mahir dalam bidang masing-masing. Manakala menurut Socket (1996) pula, PPG yang cemerlang akan dapat menghasilkan guru yang bertanggungjawab serta sentiasa melaksanakan tugas dengan profesional. Kenyataan ini juga dipersetujui oleh Parkay dan Stanford (1998) apabila beliau menyenaraikan amalan

professional yang dimiliki oleh guru cemerlang/professional. Amalan tersebut adalah seperti:

- Tingkah laku yang profesional dan beriltizam patuh kepada keperluan etika dan membuat refleksi tentang tugas pengajaran.
- Kesungguhan untuk sentiasa belajar dan menambah ilmu kepakaran.
- Terlibat secara aktif dalam meningkatkan profesionalisme keguruan iaitu terlibat dalam usaha menjalankan reformasi pendidikan, persijilan dan periktirafan guru, pengurusan yang profesional seperti terlibat sama dalam membuat keputusan tentang syarat untuk berkerjasama dalam membuat keputusan tentang syarat bekerja di bidang keguruan.

Ciri-Ciri Guru Cemerlang

Guru cemerlang adalah guru yang berkualiti dan bagi Malaysia pula, guru cemerlang adalah guru yang berjaya melahirkan pelajar menjadi insan yang seimbang baik dari segi emosi, rohani, jasmani dan intelek. Sahsiah guru cemerlang seharusnya dapat menyepadukan ilmu duniawi dan ilmu akhirat agar dapat membentuk dan mengembangkan anak didik menjadi insan yang bersepadu/insan kamil agar anak didik ini dapat memahami peranan mereka terhadap diri, terhadap masyarakat dan seterusnya terhadap negara.

Marzita (2003) dalam rencananya menegaskan seorang guru cemerlang selalunya sentiasa peka terhadap perubahan yang berlaku dipersekitaran. Selaras dengan itu, segala tindakannya akan berubah selari dengan desakan keadaan agar tidak ketinggalan dengan perkembangan semasa. Seperti mana yang dinyatakan dalam Tema Guru 2003 iaitu 'Guru Berkualiti Inspirasi Negara'. Tema ini menggambarkan bahawa seorang guru yang berkualiti mestilah memiliki ciri-ciri guru cemerlang serta mampu melahirkan tenaga kerja yang dicitakan oleh sesebuah negara. Justeru, untuk melahirkan guru berkualiti mestilah wujud daripada PPG yang cemerlang

Menurut Tuner dan Bash dalam Mohd Sani (2002) pula, guru cemerlang menunjukkan ciri-ciri seperti:

- Komitmen profesional yang tinggi.
- Pakar dalam semua bidang, sedia berkonsi pengalaman
- Kebolehan mengajar idea utama dan kandungan subjek.
- Kebolehan mengurus pelajar.
- Boleh bekerjasama dengan pelajar, rakan sejawat dan ibu bapa.
- Mampu melayan perkembangan nilai sosial dan budaya.
- Menunjukkan komitmen yang tinggi.

Seorang guru cemerlang sentiasa memiliki sikap tidak puas hati terhadap keupayaan diri, sentiasa ingin belajar bagi menambahbaikkan ilmu pengetahuan/kemahiran yang dimiliki. Kepekaan terhadap perubahan yang berlaku di serantau berkaitan dengan bidang pendidikan perlu dimiliki kerana ia menganggap perubahan sebagai petunjuk terhadap perubahan yang perlu dilakukan olehnya terhadap diri mereka sebagai

pelengkap untuk berhadapan dengan anak-anak didik. Jika guru bersedia maka gaya pengajaran dan pembelajaran juga akan berjaya diperolehi.

Pendeknya, ciri-ciri berkualiti tersebut adalah seperti mempunyai ilmu yang tinggi, seorang yang kreatif, sentiasa memperbaharui ilmu dan pandai menyampaikan ilmu yang dimiliki dengan menggunakan kaedah terkini. Sebagai contoh, guru tersebut hendaklah cekap komputer, peka terhadap cara penggunaan komputer dalam pengajaran dan pembelajaran (pernah mengambil kursus teknologi pendidikan). Guru tersebut juga mestilah memiliki sifat yang terpuji seperti sikap penyayang, penyabar, pandai berinteraksi, pandai menyelesaikan masalah pelajar yang pelbagai, dan sanggup menghabiskan masa termasuk masa di luar sekolah untuk mendalami masalah pelajar. Ini termasuk masalah keluarga pelajar.

Bagi mendapat ciri-ciri berkualiti ini, pendidik/guru perlu mempunyai minat dalam menambah ilmu pengetahuan yang dimiliki mereka. Ini adalah kerana dengan memiliki ilmu yang luas, guru tentu dapat mengajar dengan lebih baik dari pelbagai sudut. Mengajar dengan ilmu yang cetek iaitu hanya daripada satu sudut sahaja, proses pengajaran berkemungkinan menjadi tidak seronok. Tetapi kalau ilmu tersebut luas, pengajaran menjadi lebih menarik puas.

Pengisian PPG ke Arah Kecemerlangan

Ibrahim (2003) dalam Forum Pendidikan di Pulau Pinang menyatakan bahawa kualiti dan kecemerlangan, meritokrasi dan standard global adalah sesuatu yang baru diperkenalkan dalam usaha pendidikan berkualiti. Berikutan itu, untuk melahirkan guru cemerlang, PPG hendaklah berupaya melahirkan guru yang sentiasa tidak pernah merasa cukup terhadap ilmu yang dipelajari, memiliki keinginan untuk terus belajar bagi memperoleh ilmu. Guru juga perlu memiliki sikap terpuji dan sentiasa menganggap perubahan sebagai satu cabaran dan bukan satu beban dalam usaha melahirkan generasi berkualiti. Untuk itu, PPG perlu peka terhadap keperluan guru bagi memlengkapkan diri mereka melaksanakan tugas dengan jayanya seperti peka terhadap penawaran kursus-kursus terkini dan latihan-latihan yang bersesuaian. Kursus-kursus yang relevan pada masa dahulu tetapi tidak diperlukan masa kini perlu dirombak atau dimansuhkan mengikut edaran semasa.

Kurikulum latihan pra perkhidmatan guru penting dan perlu ada piawai dan kualiti yang telah ditetapkan. Robiah (1994) berpendapat kualiti guru bergantung kepada kerelevanan kurikulum PPG. Menurut dapatan kajian Robiah, terdapat beberapa kelemahan yang masih dihadapi oleh guru-guru antaranya ialah dalam penyampaian guru. Terdapat segelintir guru, penyampaiannya masih lagi kurang berkesan, membosankan dan tidak terancang. Malah kenyataan beliau ini selari dengan Laporan Jemaah Nazir Sekolah Persekutuan apabila mereka juga mendapati ada sebilangan kecil guru mengabaikan penggunaan strategi pengajaran KBSR. Guru ini juga didapati lemah dalam aspek kemahiran terutamanya apabila mengajar di tahap tinggi yang memerlukan imaginasi dan kreativiti.

Sikap dan personaliti calon guru yang menawarkan diri untuk menjadi guru perlu juga disentuh. Ada dikalangan calon yang dipilih untuk menjalani latihan di Maktab Perguruan atau Universiti terdiri daripada golongan yang tidak berminat terhadap profesinya dan hanya untuk menunggu masa berpindah ke profesion yang lebih lumayan atau mudah mengikut suami bertugas di merata tempat. Ini menyebabkan minat dan kecenderungan dalam bidang pendidikan berkurangan.

Malah menurut Norani (1992), untuk melatih serta menghasilkan guru yang baik dan cemerlang, salah satu usaha yang boleh dilaksanakan ialah melalui praktikum atau pra-praktikum yang dijalankan oleh program pendidikan. Semasa proses praktikum/pra-praktikum ini guru-guru pelatih akan diminta mengaplikasikan segala ilmu yang diperolehi ke dalam bentuk praktikal. Guru-guru pelatih ini akan diselia/dibimbing oleh pensyarah dan guru pembimbing. Dengan bimbingan yang baik serta terkawal, maka usaha untuk melahirkan guru cemerlang akan dapat dicapai. Namun jika penyeliaan dan bimbingan tidak diperolehi dengan baik serta terkawal, maka guru-guru pelatih berkemungkinan akan memandang tugas guru sebagai melepaskan tanggungjawab sahaja.

Selain daripada itu, nilai Islam perlu juga dipupuk kepada guru-guru bagi tujuan melahirkan guru yang bersepadu iaitu seorang pendidik yang berpengetahuan baik dari segi ilmu aquliah dan ilmu naquliah serta memiliki sikap-sikap murni yang diredai Allah. Dalam usaha melahirkan guru-guru ini, universiti/maktab perguruan memainkan peranan dalam membentuk kecemerlangan guru melalui latihan yang diberikan. Guru yang cemerlang hanya dimiliki jika guru tersebut memiliki sifat yang positif terhadap segala kerjayanya dan menunaikan tanggungjawab tersebut dengan penuh komitmen. Guru-guru ini tidak kenal erti penat, sanggup mengorbankan masa, tenaga dan harta benda bagi kepentingan kerjayanya. Malah ia menganggap tugas yang diamanahkan sebagai satu ibadah. Pemupukan nilai Islam ini amat penting ditekankan agar guru-guru dapat memupuk budaya positif di kalangan pelajar terutamanya bagi pelajar-pelajar aliran Keusahawanan. Ini adalah kerana bidang tersebut merupakan satu bidang yang penuh dengan pancaroba di mana jika silap langkah segala gejala negatif akan dipraktikan dalam amalan perniagaan seperti rasuah, pecah amanah dan sebagainya.

Kelancaran sesuatu program amat penting bagi memastikan pelaksanaan program dapat dijalankan dengan sempurna. Bagaimana punterdapat beberapa faktor berupaya mempengaruhi keperkesanan program. Antaranya ialah sokongan dari pihak pengurusan atasan, kemajuan teknologi yang diperolehi pengetahuan tentang gelagat pelanggan (guru pelatih) dan persaingan antara organisasi.

CADANGAN PEMBENTUKAN PROGRAM PENDIDIKAN GURU TEKNIK DAN VOKASIONAL CEMERLANG

Seperti mana yang telah dinyatakan di atas, terdapat beberapa perkara yang mampu mempengaruhi kecemerlangan PPG terutamanya kepada PPG teknik dan vokasional. Justeru untuk menambahbaik sesuatu program, pandangan serta contoh-contoh PPG

daripada luar negara perlulah ditinjau. Dengan cara ini perbandingan dan susulan untuk penambahbaikan PPG akan dapat dilaksanakan. Dalam hal ini, penulis telah mengambil satu contoh daripada luar negara yang telah berjaya melahirkan satu PPG Teknik dan Vokasioanal yang berkesan. Negara tersebut ialah Korea Selatan.

Peningkatan dan Pengembangan Pendidikan Teknik dan Vokasional di Korea Selatan berlaku akibat struktur ekonominya yang berasaskan perindustrian sejak awal tahun 1970-an. Faktor ini memerlukan tenaga kerja yang banyak terutama di sektor teknik dan vokasional, khasnya dalam sektor industri berat dan kimia. Lanjutan itu, kerajaan Korea Selatan perlu mengambil tanggungjawab yang drastik dalam usaha meningkatkan tenaga sumber berkaitan teknik dan vokasional. Secara tak langsung pendidikan teknik dan vokasional menjadi penting di Korea pada tahun 1976. Keadaan ini juga telah menyebabkan peningkatan terhadap bilangan pelajar teknik dan vokasional di semua peringkat persekolahan. Peningkatan yang berlaku amat tinggi apabila jumlah bilangan pelajar menjadi berganda hampir setiap 5 – 7 tahun. Keadaan inilah mengakibatkan perlunya pertambahan bilangan guru teknik dan vokasional di seluruh Korea Selatan dan seterusnya menambahkan bilangan institusi latihan guru teknik dan vokasional.

Penubuhan PPG Teknik dan Vokasional ini penting kerana peranannya sebagai penggerak budaya teknikal. Hal ini dapat dilihat apabila dalam usaha Korea Selatan menjadi sebuah negara industri (sejak tahun 1970-an), Saemual Undang telah dilaksanakan. Dalam program ekonomi luar bandar melalui gerakan Saemual Undang, rakyat digalakkan menjalani perusahaan kecil secara berkumpulan dalam bidang kejuruteraan, kimpalan, seramik, barangan tembikalr batu bata dan lain-lain. Hasilan barangan ini mestilah berkualiti, memilik daya reka cipta yang tinggi dan berdaya saing. Dalam merealisasikan pelaksanaan program ekonomi luar bandar ini, guru-guru teknik dan vokasional diberikan peranan penting di sekitar tempat bertugas masing-masing. Mereka diminta agar membudayakan pemikiran dan aktiviti teknikal kepada rakyat Korea. Malah, guru-guru ini juga diminta memberikan tunjuk-ajar, membimbing dan membantu mereka yang ingin membuka perusahaan kejuruteraan atau pun sebagainya supaya program ini dapat dilaksanakan dengan jayanya serta dapat mendatangkan keuntungan kepada semua pihak. Sesungguhnya pendekatan seumpama ini boleh diberikan kepada guru teknik dan vokasional di Malaysia bagi kecemerlangan kerjaya mereka.

Untuk menjadikan PPG Teknik dan Vokasional yang berkesan, kerajaan Korea Selatan telah membuat kerjasama dengan pihak industri. Ini adalah kerana penglibatan industri dalam PPG dapat membantu dalam pelaksanaan program. Pihak industri telah diminta memberikan kerjasama dari segi pembentukan strategi latihan amali, kemahiran prasarana dan bantuan kewangan. Selain itu, kerjasama lain yang diberikan adalah seperti:

- a) Pihak industri menghantar pegawai dan jurulatih yang berpengalaman dalam bidang masing-masing ke instituti latihan peguruan bagi membantu tugas juru-ajar dan pembaikpulihan jentera dan lain-lain.

- b) Institusi latihan perguruan diberi peluang oleh pihak industri menghantar guru-guru pelatih ke industri yang berhampiran bagi mendapatkan latihan industri sebenar dan latihan di tempat kerja.
- c) Pihak industri membekalkan peralatan jentera, teknikal dan lain-lain kepada institusi latihan perguruan untuk kegiatan praktikal dalam peralatan sebenar (Kortea, 1977).

Di Malaysia, senario ini juga berlaku apabila Malaysia ingin menjadi negara industri berteknologi tinggi, berdaya saing dan global. Oleh itu rancangan dan pelaksanaan menubuhkan lebih banyak institusi latihan guru teknik dan vokasional perlu dilakukan secara komprehensif dalam usaha negara menuju ke arah Wawasan 2020 iaitu Malaysia menjadi sebuah negara maju. Bagi Malaysia, pengalaman kerjasama antara pihak industri dan latihan perguruan teknik dan vokasional di Korea Selatan ini boleh dijadikan sebagai salah satu model dalam melaksanakan PPG yang berkesan dan cemerlang.

Penutup

Abad ke-21 adalah merupakan satu persimpangan yang penting dalam ketamadunan manusia. Sejak dua dekad kebelakangan ini satu proses transformasi telah berlaku dan melanda dunia dengan pantas. Dalam usaha menangani cabaran globalisasi, Malaysia perlu menyediakan segala sumber manusia dan kelengkapan sosialnya agar dapat membentuk satu daya ketahanan supaya dapat bersama-sama bersaing pada peringkat *global*. Dalam hal untuk mewujudkan suatu masyarakat yang berketerampilan dalam orde baru dunia, peranan pendidikan amatlah mustahak. Pendidikan hari ini diharap dapat melahirkan ciri-ciri warganegara yang sesuai dengan keperluan sumber manusia pada masa hadapan sebagaimana yang terkandung dalam Falsafah Pendidikan Negara dan Wawasan 2020.

Rujukan:

Fong Chan Onn. 1994. Pendidikan dan Latihan Ke arah Mencapai Wawasan 2020. dalam Ibrahim Abu Shah et al. *Persepektif Sumber Manusia Ke arah Pencapaian Wawasan 2020*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa Pustaka

Ibrahim Bajunid. 2003. *Guru Berkualiti Aspirasi Negara*. Forum Pendidikan. Pulau Pinang.

Kortea. 1977. Educational Development in Korea, Republic of Korea Ministry of Education. *Proceeding International Conference of Education*. Giveva. Sept. m.s.9-14.

Marzita Abdullah. 2003. Kualiti Guru perlu selari dengan perkembangan semasa. *Utusan Malaysia*. 20 Mei 2003: m.s 6.

Robiah Sidin. 1989. *Asas Pentadbiran Pendidikan*. Kuala Lumpur : Pustaka Cipta Sdn. Bhd.

Robiah Sidin. 1994. *Pendidikan Di Malaysia. Cabaran Untuk Masa Depan*. Kuala Lumpur: Fajar Bakti

- Marimuthu, T. 1994. *Pengenalan Sosiologi Pendidikan*. Petaling Jaya: Fajar Bakti.
- McClelland, D. 1964. *The Achieving Society*. New Jersey: Van Nostrand.
- Mohd Salleh Lebar. 2002. *Perancangan Pendidikan: Peringkat Sekolah dan IPT*. Kuala Lumpur: Utusan Pub. & Dist. Sdn Bhd.
- Ornstein, A.C. & Levine, D.V. 1993. *Foundation of Education*. Boston: Houghton Mifflin Company.
- Parkay, F.W. & Stanford, B.H. 1998. *Becoming a teacher (4th ed)* Boston: Allyn & Bacon.
- Sockett, H.T. 1996. Teachers for the 21st Century: Redefining Professionalism. NASSP Bulletin. 80(580), 22-29.
- Shahril @ Charil Marzuki dan Habib Mat Som. 1999. *Isu Pendidikan Di Maysia: Sorotan dan Cabaran*. Kuala Lumpur: Utusan Pub. & Dist. Sdn Bhd
- Wan Mohd. Zahid Mohd Nordin. 1993. *Wawasan Pendidikan Agenda Pengisian*. Kuala Lumpur: Nurin Enterprise.